

# Peneroka haram jual tanah elak rugi

BH · 18/8/2017 ms · 22

→ Perdaya orang ramai dengan mendakwa sudah mohon dapat hak milik

Oleh Shaarani Ismail  
shaarani@bh.com.my

Ipoh

**P**eneroka haram yang membangunkan tanah kerajaan negeri dikesan mula menjual tanah yang diusahakan bagi mengelak kerugian berikutkan operasi besar-besaran oleh Pejabat Tanah dan Galian (PTG) di seluruh negeri.

Tanah itu yang diusahakan dengan pelbagai kegiatan seperti kebun dan kolam ikan, itu dipecahkan kepada lot kecil dan dijual pada harga murah.

Pengarah Tanah dan Galian negeri, Rumaizi Baharin, berkata peneroka haram mendakwa sudah memohon untuk mendapatkan hak milik tanah dengan menunjukkan salinan permohonan bagi meyakinkan pembeli bakal pembeli.

"Mereka cuba memperdaya orang ramai khususnya yang tidak tahu bahawa urusan permohonan tanah itu bukan satu pro-

ses yang mudah dan akhirnya mengakibatkan pembeli tertipu," katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau diminta mengulas arahan Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambray Abd Kadir, supaya semua Pejabat tanah dan daerah mengambil tindakan terhadap kegiatan penerokaan dan pembangunan tanah secara haram yang kemudian diusahakan serta dipecahkan kepada beberapa lot dan dijual kepada beberapa lot dan dijual kepada orang ramai pada harga murah.

## Kes teroka haram semakin kurang

Rumaizi berkata, secara umumnya, kes membabitkan penerokaan tanah kerajaan secara haram untuk tujuan pertanian semakin berkurangan selepas operasi membanteras kegiatan itu dipertingkatkan.

Beliau juga meminta orang ramai ditawarkan tanah yang sudah diteroka diusahakan dengan harga murah supaya menyiasat dan membuat laporan di pejabat tanah



Mereka cuba perdaya orang ramai khususnya yang tidak tahu bahawa urusan permohonan tanah itu bukan satu proses yang mudah dan akhirnya mengakibatkan pembeli tertipu"

**Rumaizi Baharin,**  
Pengarah Tanah dan Galian Perak

dan daerah bagi mengelak tertipu dan seterusnya mengalami kerugian kerana istilah 'tanah usaha' tidak wujud.

## Kes membabitkan tanah usaha

Katanya, kes membabitkan 'tanah usaha' itu wujud di hampir semua daerah, namun ada empat daerah yang jumlahnya agak banyak iaitu Perak Tengah, Kampar, Manjung dan Hulu Perak.

"Di Perak Tengah, ia lebih kepada tanah lombong yang diteroka di kawasan sekitar Seri Iskandar, manakala di Kampar membabitkan kawasan berhampiran Kampung Sahom," katanya.

Beliau berkata, PTG sedang memperkemas dan mempertingkatkan operasi penerokaan tanah haram bagi memastikan kes berkenaan dapat ditangani dan menasihatkan orang ramai supaya menyemak status tanah yang diajakwa ingin dijual pihak tertentu pada harga murah bagi mengelak kerugian.